



# Buletin Kelab

Gambar aktiviti kelab  
boleh dilihat di laman web  
kelab [WWW.iium.edu.my/  
kkk](http://WWW.iium.edu.my/kkk)

## Berita Semasa Kelab

### Kandungan Buletin

4 CARA MUDAH KENAL PASTI ORANG YANG BAIK	2
Kelebihan Umat Muhammad	3
Peringatan	3
Saidina Abu Bakar Masuk Islam	4
Adab Dalam Islam	5
Bersama Setiausaha Agung	6

### MUTIARA KATA

Jangan mengukur kebijaksanaan seseorang hanya kerana ke-pandaianya berkata-kata tetapi juga perlu dinilai buah fikiran serta tingkah lakunya.

Sesungguhnya apa yang kita lihat serupa sebenarnya tidak semestinya sama

Akhlik yang buruk itu ibarat tembikar yang pecah. Tidak dapat dilekatkan lagi dan tidak dapat dikembalikan menjadi tanah -



**04-Januari-2014 (Sabtu)** Pihak Kelab Kebajikan Kakitangan mengucapkan **TAHNIAH** kepada Saudara Saifullah Hassan(ELD) di atas kelahiran cahayamata lelaki pada 04/1/2014. Semoga dengan kehadiran cahaya mata ini akan menyemarakkan lagi kebahagiaan kalian serta sentiasa dimurahkan rezeki oleh Allah S.W.T, insyaAllah



**12-Januari-2014 - Bapa kepada Bro. Mohd Salmee Mohd Sari** telah pulang kerahmatullah. Pihak Kelab mengucapkan takziah kepada beliau. Semoga beliau tabah menghadapinya. Al-Fatihah. Semoga Allah mencucuri rahmat keatas roh ayah beliau

**14-Februari-2014** Pusat Asasi UIAM telah mengadakan program gotong royong seluruh kampus Pusat Asas UIAM. Program ini disertai oleh warga yang berada di Pusat ini. Ianya dibahagikan kepada semua Jabatan dan Mahallah. Acara yang diadakan mengutip sampah dan membersihkan pejabat masing masing.



**01-Mac-2014 (Sabtu)** Pihak Kelab Kebajikan Kakitangan mengucapkan **TAHNIAH** kepada Saudara Riduan Muhammad Nor (Mahallah Abu Bakar) diatas kelahiran cahayamata lelaki pada 1/3/2014. Semoga dengan kehadiran cahaya mata ini akan menyemarakkan lagi kebahagiaan kalian serta sentiasa dimurahkan rezeki oleh Allah S.W.T, insyaAllah.

**01-Mac-2014 (Sabtu) - Ibu kepada Bro. Mohd. Nazri Mohamed Daud** telah pulang kerahmatullah. Pihak Kelab mengucapkan takziah kepada Bro Mohd Nazri. Semoga beliau tabah menghadapinya. Al-Fatihah. Semoga Allah mencucuri rahmat keatas roh ibu beliau.

**01-Mac-2014 (Sabtu) - Majlis Perkhawinan Cik. Nurshiela Wahab dan Cik Nurul Huda Wahab.** Meraka adalah anak-anak kepada En Wahab Rostam, seorang kakitangan di Jabatan Bahasa Inggeris. Majlis tersebut telah berlangsung di Dewan AL Malik Faisal, Pusat Asasi UIAM Petaling Jaya. Kelab mengucapkan Selamat Pengantin Baru dan semoga meraka berbahagia dan berkekalan hingga keakhir hayat.



**04-MAC-2014 (Selasa)** Pihak Kelab Kebajikan Kakitangan mengucapkan **TAHNIAH** kepada Saudari Noorhafizah Mohd Akil (ITD) di atas kelahiran cahayamata perempuan pada 4/3/2014. Semoga dengan kehadiran cahaya mata ini akan menyemarakkan lagi kebahagiaan kalian serta sentiasa dimurahkan rezeki oleh Allah S.W.T, insyaAllah

**05-MAC-2014 (Rabu) Information Technology Division (ITD)** Telah mengadakan Roadshow di Pusanya Asasi UIAM Petaling Jaya. Ianya bertujuan mengenalkan ITD, perancangan dan pimpinannya kepada warga Pusat Asasi UIAM. Disamping mengadakan Klinik Gmail untuk email baru UIAM.



**09-MAC-2014** Pihak Kelab Kebajikan Kakitangan mengucapkan **TAHNIAH** kepada Saudari Zazura Zainal Abidin (RMDD) diatas kelahiran cahayamata lelaki pada 9/3/2014. Semoga dengan kehadiran cahaya mata ini akan menyemarakkan lagi kebahagiaan kalian serta sentiasa dimurahkan rezeki oleh Allah S.W.T, insyaAllah.

**16-MAC-2014 (Ahad)** Adalah dimaklumkan bahawa ibu kepada En. Mohamed Amin Ismail(ITD) telah kembali ke rahmatullah pada hari Ahad (16/3/2014) di hospital Klang. Sama-sama kita sedekahkan AlFatihah dan semoga Allah mencucuri rahmat ke atas rohnya dan ditempatkan bersama-sama orang yang beriman...

## Renungan

### 4 CARA MUDAH KENAL PASTI ORANG YANG BAIK

Adakah anda tahu **macam mana nak kenal pasti orang yang baik?** Dalam ramai-ramai kawan anda, bolehkah anda beritahu siapa yang baik? Bagaimana anda menilai seorang itu baik atau tidak? Apakah yang anda perhatikan?

Ada seorang kawan pernah berbual dengan saya mengenai topik ini. Katanya, untuk mengetahui seseorang itu baik atau tidak, mudah saja. Begini caranya :

#### 1. Lihat perangai atau sikap IBU nya

Kalau ibunya seorang yang baik, penyantun, lemah lembut dalam berkata-kata, tidak pemarah, pemurah dan ‘manis muka’, insyaAllah memang anaknya itu akan terdidik dengan sikap yang begitu juga.

#### 2. Lihat siapa kawan baik nya

Cuba perhatikan atau selidik siapakah kawan baiknya. Lihat perangai atau sikap kawan baiknya. Cuba perhatikan apakah aktiviti kawan baiknya itu. Biasanya seseorang itu akan terpengaruh atau terikut-ikut dengan sikap kawan baiknya. Kalau kawannya itu minat bola, dia juga biasanya akan minat bola. Kalau kawan baiknya minat pergi clubbing, dia juga pasti minat untuk bersosial.

#### 3. Tanya kepada isterinya

Untuk kenalpasti seorang lelaki yang dah berkahwin, samada dia seorang yang benar-benar baik atau tidak, sila tanya kepada isterinya. Cuba tanya isterinya, adakah suami awak seorang yang baik? Sekiranya dia terus bercerita panjang lebar tentang kebaikan suaminya (dengan penuh semangat), pastinya lelaki itu adalah seorang yang benar-benar baik. Kalau dia macam teragak-agak jer nak jawab, hmmm anda boleh nilai sendiri tahap kebaikan lakinya.

#### 4. Lihat bagaimana dia melayan budak kecil

Kalau nak tahu seorang perempuan itu baik atau tidak, lihat bagaimana dia melayan budak kecil. Petua ni dari kawan saya. Dia kata inilah cara dia menilai ‘calon’ yang sesuai untuk dijadikan isteri’nya.

Jika anda lihat seorang wanita itu sangat suka, mesra dan pandai melayan budak-budak, biasanya perempuan itu memang seorang yang berhati lembut, pengasih, taat dan setia.

Adakah cara ini memang boleh dipercaya?

Usah tanya saya. Bertenang. Lihat orang-orang disekeling anda. Cuba perhatikan betul-betul. Adakah cara ini relevan dan boleh dipercaya? Anda sendiri lah yang patut menilainya.

**Biarpun kita menjadi tuan tetapi kita tetap berTUHAN**

**Biarpun kita pandai mereka cipta tetapi kita tetap ciptaan-Nya**

**Biarpun kita menjadi ketua tetapi kita tetap menjadi hamba-Nya**

**Biarpun kita megah mendonggak langit tetapi kita tetap diminta sujud pada-Nya..**

**Biarpun kita mewah dan kaya raya tetapi semua yang kita ada, adalah rezeki dari-Nya.**

**Jadi.. mengapa harus sombang dengan Allah tuhan kita?**

## PERINGATAN

## PETUA

### KELEBIHAN UMAT MUHAMMAD MENURUT NABI ADAM

DIKISAHKAN bahawa Nabi Adam as telah menjelaskan: “Sesungguhnya Allah SWT telah memberikan kepada umat Muhammad SAW empat kemuliaan yang tidak diberikan kepada aku:

1. Taubat aku hanya diterima di kota Mekah, sedangkan taubat umat Muhammad SAW di terima di mana sahaja tanpa mengira tempat oleh Allah SWT.
2. Pada mulanya aku berpakaian tetapi, apabila aku berbuat derhaka, maka Allah SWT menjadikan aku telanjang. Manakala apabila umat Muhammad SAW membuat derhaka dengan bertelanjang, Allah SWT memberi mereka pakaian.
3. Ketika aku telah melakukan derhaka kepada Allah, maka Allah SWT telah memisahkan aku dengan isteriku, Hawa. Manakala bila umat Muhammad SAW berbuat derhaka Allah SWT tidak memisahkan isteri mereka.
4. Memang benar aku telah derhaka kepada Allah SWT di syurga dan aku dikeluarkan dari syurga. Tetapi umat Muhammad SAW derhaka kepada Allah akan dimasukkan ke dalam syurga apabila mereka bertaubat kepada Allah SWT.

Fikir dan renungkanlah makna tersirat daripada penjelasan Nabi Adam as itu.

***Sebaik-baik lelaki adalah yang paling baik dan lemah lembut terhadap isterinya***

**SAKIT KEPALA**

Daun turi juga berkhasiat untuk mengurangkan masalah sakit kepala. Caranya ialah dengan menyapukan daun yang sudah ditumbuk ke kepala. Ia menyegarkan kepala dan menghilangkan sakit kepala..

**Perut masuk angin**

Setiap kali anda minum teh atau kopi masukkan daun delima yang sudah dipotong kecil-kecil. Amalkan selama 1 bulan.

**Bernanah jari disebabkan jarum,duri, dan tulang ikan**

Ambil 3 sulur bawang merah lalu ditumbuk jangan sampai lumat. Kemudian bubuh 1 sudu besar minyak kelapa dan dibungkus dengan menggunakan daun pisang dan dipanaskan ke atas api. Apabila sudah agak panas, tampalkan ramuan tersebut pada tempat yang sakit dan dibalutkan dengan kain pembalut luka. Buatlah sebanyak 3 kali sehari

**Resdung**

Ambil isi terung kemal dan amalkan memakannya atau ambil daun kacang kayu kemudian jemur sehingga kering dan dibuat hisap seperti rokok. Boleh juga amalkan mencium bunga daun bawang merah sentiasa.

## KISAH BAGAIMANA SAIDINA ABU BAKAR MASUK ISLAM

**DIRIWAYATKAN** bahawa sudah menjadi kebiasaan bagi Abu Bakar mengunjungi seorang tua apabila beliau berada di Yaman ketika menguruskan perniagaannya. Orang tua itu adalah seorang pendita yang sangat rajin membaca kitab dan mempunyai ramai murid.

Pada suatu hari, ketika Abu Bakar berkunjung ke tempat orang tua itu, tiba-tiba orang tua itu bertanya: "Adakah tuan orang Arab?"

Jawab Abu Bakar: "Ya.... benar."

"Saya ingat tuan berbangsa Quraish?"

"Benar."

Abu Bakar berasa hairan kerana orang tua itu mengetahui latar belakangnya. Dia menjadi bertambah hairan apabila orang tua itu bertanya: "Bolehkah saya melihat perut tuan." Jawab Abu Bakar: "Saya tidak akan menunjukkan perut saya jika tuan tidak memberitahu akan perkara yang sebenarnya."

Lalu berceritalah orang tua itu kepada Abu Bakar bahawa mengikut apa yang diketahuinya, seorang Nabi akan diutuskan di Tanah Arab. Nabi itu akan dibantu oleh dua orang sahabat. Seorang masih muda dan seorang lagi sudah separuh umur. Sahabat yang muda itu berani berjuang dalam segenap lapangan dan menjadi pelindung Nabi daripada sebarang marabahaya. Manakala sahabat yang seorang lagi itu berkulit putih dan berbadan kurus. Di perutnya ada tahi lalat dan di paha kirinya ada satu tanda.

Setelah Abu Bakar mendengar cerita orang tua itu, dia pun terus menunjukkan bahagian perut dan pahanya. Memang Abu Bakar mempunyai tahi lalat di perut dan tanda di paha kirinya. Sebaik sahaja melihatkan tanda-tanda itu, orang tua itu pun berkata: "Demi Tuhan, tuanlah orangnya yang akan menjadi sahabat kepada Nabi itu."

Setelah Abu Bakar selesai menguruskan urusan perniagaannya di Yaman, dia pun bersiap-siap untuk berangkat pulang ke Mekah. Sebelum pulang, Abu Bakar berkunjung sekali lagi ke tempat orang tua itu untuk mengucapkan selamat tinggal.

"Boleh tuan sampaikan beberapa rangkap syairku kepada orang-orang Mekah?" katanya.

"Boleh," jawab Abu Bakar.

Kemudian Abu Bakar pun berangkat pulang ke Mekah dengan membawa rangkap-rangkap syair orang tua itu. Sesampai sahaja Abu Bakar di Mekah, dia ditemui oleh pembersar-pembesar Quraisy yang kelihatan seperti dilanda kesusahan yang berat.

"Adakah tuan ketahui apa yang telah terjadi?" tanya mereka kepada Abu Bakar. "Apakah peristiwa itu? Hamba tidak mengetahuinya," jawab Abdu Bakar. "Anak saudara Abu Talib yang yatim piatu itu telah mengaku dirinya menjadi Nabi. Kami harap tuan dapat menyelesaikan masalah ini. Kalau lahir kami tidak mengenangkan tuan adalah sahabatnya, sudah tentu kami membunuhnya," kata salah seorang pembesar Quraisy berkenaan.

"Baiklah, hamba akan cuba selesaikan perkara ini," jawab Abu Bakar memberikan jaminan.

Setelah itu Abu Bakar pun pergi menemui Nabi Muhammad.

"Wahai Muhammad, tuan telah mencemarkan kedudukan keluarga tuan. Ajaran tuan itu amat menyimpang daripada ajaran nenek moyang kita," kata Abu Bakar.

"Saya adalah pesuruh Allah. Saya diutus kepadamu dan kepada seluruh umat manusia," kata Rasulullah dengan tegas.

"Apakah buktinya, wahai Muhammad?" tanya Abu Bakar.

"Buktinya ialah orang tua yang tuan temui di negeri Yaman tempoh hari," jawab Nabi Muhammad.

"Yang mana satu wahai Muhammad, kerana ramai juga orang tua yang aku temui di Yaman sana."

"Orang tua yang mengirimkan rangkap-rangkap syair kepada orang-orang Mekah," jelas Nabi Muhammad.

"Siapakah yang memberitahu tuan, wahai Muhammad?" tanya Abu Bakar kehairanan. "Malaikat yang pernah menemui nabi-nabi sebelum saya yang memberitahu," jawab Nabi.

Sebaik mendengarkan kata-kata itu, Abu Bakar terus menerima ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad.

Setelah selesai urusannya dengan Nabi Muhammad, Abu Bakar pun pergi berjumpa dengan pembesar-pembesar Quraisy untuk menerangkan kepada mereka akan hal Nabi Muhammad yang telah dilantik menjadi pesuruh Allah. Beliau juga telah memberitahu bahawa tugas Nabi Muhammad SAW adalah untuk mengajarkan agama baru, iaitu agama Islam.

Abu Bakar juga menjelaskan kepada mereka bahawa seruan Nabi Muhammad adalah supaya seluruh manusia memeluk agama Islam kerana agama ini adalah agama yang paling sempurna.



## ADAP DALAM ISLAM

## ADAB MAKAN

1. **Membasuh tangan sebelum dan sesudah makan**, Hadis Rasulullah s.a.w. Yang maksud: Berkat makanan itu ialah dengan berwuduk sebelum dan sesudahnya.
2. **Membaca Bismillah Ketika makan dan membaca Alhamdulillah** setelah selesai makan.
3. **Jangan mecaci makanan** yang dihidangkan.
4. **Hendaklah makan dengan tangan kanan**, dan yang di hadapan.
5. **Jangan sekali-kali makan bertelaku** ( ini menyebabkan bahaya kepada kesihatan dan menyebabkan lekas tua).
6. **Sunat bercakap ketika makan.**
7. **Jangan sekali-kali memulakan makan sehingga dimulakan oleh orang yang lebih tua.**
8. **Jangan mensia-siakan makanan** Hadis rasulullah s.a.w bermaksud:  
*“Adalah Rasulullah s.a.w setelah makan, selalu menjilat ketiga-tiga jarinya, seraya berkata: “jangan terjatuh suapan seseorang kamu hendaklah dia mengutipnya dan di jauhkan daripada menyusahkannya serta hendaklah dimakannya, dan jangan ditinggalkannya untuk dimakan oleh syaitan.”*

## RENUNGAN

**Sekuat mana pun godaan yang kita hadapi,  
sekuat apa pun cubaan yang harus kita jalani,  
sebesar apa pun kegagalan yang kita rasai,  
sejauh mana pun hari-hari yang kita lalui,  
JANGAN pernah berhenti berharap dari pertolongan llahi,  
kerana harapan adalah masa hadapan,  
kerana harapan adalah sumber kekuatan,  
kerana doa adalah pintu kebaikan dan  
kerana doa adalah senjata orang beriman.**

## ADAB MINUM

1. **Sunat Membaca Bismillah dan Alhamdulillah** bila selesai serta minum tiga-tiga teguk.
2. Makruh meminum daripada mulut tempat simpan air seperti botol, kendi atau sebagainya. Sebaik-baiknya minum dalam gelas.
3. Makruh meniup atau bernafas dalam air.
4. Hendaklah minum ketika duduk.
5. Jangan minum dari bekas yang diperbuat daripada emas atau perak.
6. Jangan makan/minum ketika terlalu kenyang.

## ADAB MEMINTA IZIN

1. **Hendaklah memberi salam dahulu sebelum meminta izin masuk.**
2. **Hendaklah menyatakan nama, sifat dan gelaran** (jika belum dikenali).
3. **Hendaklah meminta izin tiga kali.** Sabda Rasulullah s.a.w maksudnya : *“ Meminta izin itu tiga kali sahaja, jika diizinkan masuklah, jika tidak engkau kembali sahaja.”*
4. **Jangan megetuk pintu dengan kasar.**
5. **Hendaklah dia kembali**, jika tuan rumah menyuruhnya kembali.



**Biro Penerbitan****Penasihat***Pn.. Rohani Amat***Ketua Editor***En. Mohamed Amin Hj Ismail***Pen. Editor 1***Pn Noorhafizah Mohd Akil***Pen. Editor 11***En. Abdul Rahim Sulaiman***Setiausaha Penerbitan***Pn. Norhaliza Aini Bt Zainal Abidin***AJK penerbitan***En. Mohd Faisal Bin Mohd. Sukim**En. Mokhtar Ahmad*


SOMBONG ITU BAIK UNTUK  
PEREMPUAN TAK BAIK  
UNTUK LELAKI

**BERSAMA TIMBALAN PENGERUSI 2****Nama:** ROHANI AMAT**No staff:** 2690**Jawatan di UIA:** PENOLONG PENGARAH KANAN**Jawatan di Kelab:** TIMBALAN PENGERUSI II**Alamat :** 110 MAHALLAH FATIMAH AZ-ZAHRA, PUSAT ASASI, UIAM**Berapa lama jadi ahli kelab:** 10 TAHUN**Tarikh Lahir :** 25HB MAY 1970**Tempat lahir :** TANGKAK, JOHOR**Email :** rayyan@iium.edu.my**Berapa cahaya mata:** 3 orang**Harapan terhadap kelab:**

Semoga KKK akan terus berkembang dan berjaya menyumbang pelbagai kebajikan terhadap ahli, keluarga ahli dan masyarakat seluruhnya.

**Kenangan manis bersama kelab :**

Setiap kali menghadiri Hari Keluarga KKK

**Kenangan pahit bersama kelab:**

Tiada.

**Cadangan Kpada kelab:**

Diharap Kelab dapat menganjurkan aktiviti yang dapat menjana pendapatan bagi membiayai program-program yang membawa kebaikan kepada ahli-ahlinya.

**KISAH BERKAT DI SEBALIK MEMBACA BISMILLAH**

Ada seorang perempuan tua yang taat beragama, tetapi suaminya seorang yang fasik dan tidak mahu mengerjakan kewajipan agama dan tidak mahu berbuat kebaikan. Perempuan itu sentiasa membaca Bismillah setiap kali hendak bercakap dan setiap kali dia hendak memulakan sesuatu sentiasa didahului dengan Bismillah. Suaminya tidak suka dengan sikap isterinya dan sentiasa memperlok-lokkan isterinya.

Suaminya berkata sambil mengejak, "Asyik Bismillah, Bismillah. Sekejap-sekejap Bismillah."

Isterinya tidak berkata apa-apa sebaliknya dia berdoa kepada Allah S.W.T. supaya memberikan hidayah kepada suaminya. Suatu hari suaminya berkata : "Suatu hari nanti akan aku buat kamu kecewa dengan bacaan-bacaanmu itu."

Untuk membuat sesuatu yang memerlukan isterinya, dia memberikan wang yang banyak kepada isterinya dengan berkata, "Simpan duit ini." Isterinya mengambil duit itu dan menyimpan di tempat yang selamat, di samping itu suaminya telah melihat tempat yang disimpan oleh isterinya. Kemudian dengan senyap-senyap suaminya itu mengambil duit tersebut dan mencampakkan beg duit ke dalam perigi di belakang rumahnya.

Setelah beberapa hari kemudian suaminya itu memanggil isterinya dan berkata, "Berikan padaku wang yang aku berikan kepada engku dahulu untuk disimpan."

Kemudian isterinya pergi ke tempat dia menyimpan duit itu dan diikuti oleh suaminya dengan berhati-hati dia menghampiri tempat dia menyimpan duit itu dan membuka dengan membaca, "Bismillahirrahmanirrahiim." Ketika itu Allah S.W.T. menghantar malaikat Jibril A.S. untuk mengembalikan beg duit dan menyerahkan duit itu kepada suaminya kembali.

Langkah terperanjat suaminya, dia berasa bersalah dan mengaku segala perbuatannya kepada isterinya, ketika itu juga dia bertaubat dan mula mengerjakan perintah Allah, dan dia juga membaca Bismillah apabila dia hendak memulakan sesuatu kerja.